



12 MAY, 2022

## Pelaburan AS dijangka RM14.62b

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Pelaburan AS dijangka RM14.62b

**Banyak syarikat sudah nyatakan komitmen kembang operasi di Malaysia**

**Washington:** Malaysia dijangka menarik pelaburan baharu bernilai RM14.62 bilion dari Amerika Syarikat (AS) dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) yang diketuai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin berkata, banyak syarikat yang berpangkalan di AS menyatakan komitmen untuk mengembangkan operasi dan kehadiran mereka di Malaysia semasa TIM AS selama 10 hari yang bermula 8 Mei lalu.

"Kita akan membuat beberapa pengumuman besar dalam beberapa hari akan datang dari segi jumlah pelaburan baharu yang datang daripada komitmen syarikat

ini," katanya kepada pemberita BERNAMA dan TV3 di sini.

Setakat ini, beliau bertemu dengan beberapa syarikat teknologi tinggi seperti syarikat semikonduktor global, Texas Instruments Inc dan pembekal bahan global untuk industri pemasangan elektronik dan pembungkuhan semikonduktor, Indium Corporation.

Selain itu, beliau juga dijadualkan untuk menghadiri pertemuan dengan lebih banyak peserta industri teknologi tinggi dalam rangka lawatan ke San Francisco, Seattle dan Los Angeles.

Beliau memberi jaminan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan meneruskan misi perdagangan untuk menarik lebih banyak pelaburan dan yakin pelaburan berkualiti tinggi akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan untuk bakat Malaysia.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, Duta Perwakilan Perdagangan AS, Katherine Tai telah menyambut baik cadangan Malaysia bagi menggerakkan semula Perjanjian Rangka Kerja Pelaburan (TIFA).

Kedua-dua negara diharap da-

**“Kita akan membuat beberapa pengumuman besar dalam beberapa hari akan datang dari segi jumlah pelaburan baharu”**

**Mohamed Azmin Ali,**  
Menteri Kanan  
Perdagangan  
Antarabangsa  
dan Industri



pat memuktamadkan bagi pengetahuan perjanjian itu dalam tempoh terdekat, katanya.

Beliau berkata, Malaysia pada dasarnya terbuka untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai perkara itu dengan AS, memandangkan perbincangan terakhir mengenai TIFA antara kedua-dua negara diadakan pada 2005 dan tiada perkembangan lanjut dicatatkan sejak itu walaupun kedua-dua negara cuba untuk meneliti serta menggerak-

kannya kembali pada 2017 namun tidak berjaya.

"Tapi sudah tentu, kita perlu melihat bagaimana TIFA boleh membantu kita dan mengurangkan cabaran global yang kita hadapi sekarang, seperti (untuk memastikan) daya tahan rantaian bekalan," katanya selepas mengadakan mesyuarat dua hala dengan Tai.

Mengenai Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) dicadangkan Presiden AS, Joe Biden yang dibangkitkan semasa mesyuarat dua hala bersinggungan dengan Setiausaha Perdagangan AS, Gina Raimondo, Mohamed Azmin berkata Malaysia terbuka bagi perbincangan lanjut mengenai perkara itu.

"Sebagai sebuah ekonomi kecil seperti Malaysia, kita terbuka untuk lebih banyak perbincangan mengenai perkara itu. Kita mahu memastikan semangat kepusatan ASEAN dihormati dan memastikan semua negara anggota ASEAN membincangkan perkara itu secara menyeluruh," katanya.

Memorandum Kerjasama (MoM) bagi memastikan daya tahan rantaian bekalan ditandatangani antara Mohamed Azmin dan Raimondo selepas mesyua-

rat dua hala itu.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu juga berkata, Tai dan Raimondo bersetuju untuk meningkatkan perbincangan libat urus dan perundingan antara AS dan Malaysia bagi menangani isu berkaitan amalan perburuhan, tadbir urus selari dengan rangka alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), piawaian antara bangsa yang pasti memberi kebaikan serta kelebihan kepada syarikat tempatan untuk bersaing di pasaran global.

Selepas mesyuarat dua hala itu, beliau dan Raimondo turut menjadi pengajur bersama sesi meja bulat dengan peserta industri semikonduktor terkemuka AS.

Kedua-dua pemimpin itu akan memastikan daya tahan rantaian bekalan walaupun berlaku peningkatan permintaan bagi semikonduktor dalam sektor automotif, aerorangkas dan peranti perubatan.

"Syarikat terbabit juga memberi jaminan akan terus bantu membangunkan ekosistem dengan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan vendor tempatan di Malaysia," katanya.

BERNAMA



12 MAY, 2022

## Pelaburan AS dijangka RM14.62b

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Banyak syarikat sudah nyatakan komitmen kembang operasi di Malaysia Washington: Malaysia dijangka menarik pelaburan baharu bernilai RM14.62 bilion dari Amerika Syarikat (AS) dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan TIM yang diketuai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Mohamed Azmin berkata, banyak syarikat yang berpangkalan di AS menyatakan komitmen untuk mengembangkan operasi dan kehadiran mereka di Malaysia semasa TIM AS selama 10 hari yang bermula 8 Mei lalu.